



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20
24



RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.093 SUNGAI BESAR

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.093 SUNGAI BESAR

Penyunting Siri

Nurul Syaza Mazelan

Penulis

Dr. Siti Nur Ain Binti Zakinuddin

Mohamed Daniel Mokhtar



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

ISI KANDUNGAN

LAPORAN P.093 SUNGAI BESAR (SELANGOR)

Kata Pengantar - Nur Rahmah Othman	I-II
Pendahuluan - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III-XV

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-9
------------------------------	-----

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan	11
2.0 Pemetaan Isu	12-37
3.0 Pengutamaan Isu	38-40



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiysah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.

Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebar kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN- BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN- BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH- AMANAH	Nurul Syaza Mazelan
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN- BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

STATUS INDIVIDU		KAUM MINORITI
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
JENIS PEKERJAAN		PENDIDIKAN
Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petani 2. Peladang/Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nelayan laut 2. Nelayan darat 	
Perdagangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay 	

Perindustrian	1. Pemilik kilang	Organisasi / Persatuan
Perkhidmatan	1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu- Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung	1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none"> • Gejala sosial • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Kos sara hidup yang tinggi • Keciciran Pendidikan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas • Masalah banjir • Pencemaran air dan udara
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian • Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Penghijrahan ke bandar • Kos sara hidup yang tinggi
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penjanaaan pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien

Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none">• Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir• Penyeludupan barang di sempadan• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)• Konflik pemilikan tanah• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa• Konflik manusia – hidupan liar
-----------------	---

BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.093 SUNGAI BESAR (SELANGOR)

26 - 28 April 2024 (Jumaat - Ahad)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

1. Sesi Dialog bersama PIBG SMK Sungai Besar
2. Sesi Dialog bersama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)
3. Sesi Dialog bersama PDK Seri Panglima (OKU)

HARI 2

4. Sesi Dialog bersama Petani Sawah Padi
5. Sesi Dialog bersama Nelayan
6. Sesi Dialog bersama Belia
7. Sesi Dialog bersama Golongan Miskin Tegar/B40

HARI 3

8. Sesi Dialog bersama Industri Kecil Sederhana
9. Lawatan Tapak 1 - Tempat pemprosesan bahu, kerepek dan Kek
10. Sesi Dialog bersama Persatuan Homestay
11. Sesi Dialog bersama Komuniti India
12. Lawatan Tapak 2 - Tapak pengusaha lembu di sungai besar

PASUKAN PENYELIDIK



Daniel
(Ketua Penyelidik)



Afham



Lydia Ann



Ara

Dengan sokongan
daripada Ahli Parlimen
Sungai Besar,
YB Datuk Muslimin
Bin Yahaya



19 Mac 2024 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat Awalan bersama YB Datuk Muslimin Yahaya, Ahli Parlimen Sungai Besar di Parlimen.

Wakil APPGM-SDG yang telah hadir ke mesyuarat tersebut ialah Afham Afif dan Mohamed Daniel.



MASA	AKTIVITI	LOKASI	AGENSI TERLIBAT	PEMERATA
TENTATIF LAWATAN TAPAK PDR3 SUNGAI BESAR				
26 APRIL 2024 (JUMAAT)				
09:00 Pagi - 10:30 Pagi	Sesi Dialog 1 : PDR3	SARK SG BESAR	PPD	1. 15-20 Orang 2. Pegawai / Penghulu Mukim 3. Pegawai Ahli Parlimen Sungai Besar
11:00 Pagi - 12:30 Tengahari	Sesi Dialog 2 : WARSA EMAS	PUNAT SARJAN WARSA EMAS SARK RHRNAM	BOM	1. 15-20 Orang 2. Pegawai / Penghulu Mukim 3. Pegawai Ahli Parlimen Sungai Besar
2:30 Petang - 4:00 Petang	Sesi Dialog 3 : CERU	POK SERI PANGUAMA, SIMPANG 5	BOM	1. 15-20 Orang 2. Pegawai / Penghulu Mukim 3. Pegawai Ahli Parlimen Sungai Besar
4:30 Petang - 6:00 Petang	LAWATAN TAPAK 1 : MAKLAN PANTAI	PANTAI BATU 23 SG NIBONG	IPS	1. 15-20 Orang 2. Pegawai / Penghulu Mukim 3. Pegawai Ahli Parlimen Sungai Besar
27 APRIL 2024 (SABTU)				
MASA	Sesi Dialog 4 :	LOKASI	AGENSI TERLIBAT	PEMERATA
				1. 10-20 Orang

28 Mac 2024 - Mesyuarat Profiling

Sesi mesyuarat secara dalam talian telah diadakan bersama Pegawai Khas YB Parlimen Sungai Besar, Tuan Amirulezat bertujuan untuk mendapatkan profil parlimen dan mengenalpasti isu-isu semasa di kawasan parlimen tersebut. Tarikh lawatan tapak telah dipersetujui iaitu pada 26-28hb April 2024.



19 April 2024 - Mesyuarat Pra-Lawatan

Daniel Mokhtar dan Afham Afif telah menghadiri mesyuarat bersama Tuan Amri bin Ismail Pegawai Daerah Sabak Bernam.

Tarikh lawatan pemetaan isu dijadualkan akan diadakan pada 25-28 April di Parlimen Sungai Besar, Selangor.



1: Sesi Dialog bersama PIBG SMK Sungai Besar

Sesi FGD 1 ini melibatkan PIBG SMK Sungai Besar. Seramai 11 peserta telah hadir ke sesi dialog yang telah diadakan di SMK Sungai Besar. Sesi ini telah dihadiri oleh YB Datuk Muslimin & Encik Idris (Guru Besar SMK Sg Besar). Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Kehadiran ke sekolah semakin menurun terutamanya semenjak COVID-19. Hal ini kerana pelajar mula giat bekerja dalam ekonomi gig. (pelajar bekerja dari 5pm - 11pm), **(2)** Pelajar kurang motivasi untuk belajar dan salah satu sebabnya disebabkan keadaan sosioekonomi keluarga, pemansuhan sistem peperiksaan Kenangaan (PT3, UPSR) dan pengaruh rakan sebaya, **(3)** Penggunaan vape yang semakin menjadi-jadi dalam kalangan pelajar, **(4)** Disebabkan masalah keluarga, pelajar bekerja dan menyebabkan ketidakhadiran ke sekolah & pembelajaran merosot, **(5)** Kurang pekerja untuk bersih sekolah, **(6)** Sistem perparitan tidak dibaikpulih.



2: Sesi Dialog bersama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

Sesi FGD 2 ini melibatkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Seramai 12 peserta telah hadir ke sesi dialog yang telah diadakan di Pusat Jagaan Warga Emas Sabak Bernam. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Tidak tahu cara memohon bantuan kerajaan, **(2)** Tidak cukup Dana untuk adakan aktiviti untuk warga emas, **(3)** Kos sara hidup tinggi, **(4)** Elaun untuk penyelia dan pembantu penyelia sangat rendah, **(5)** pesawah yang sudah berumur rasa tertekan dengan hasil tuaian yang semakin mengurangkan, **(6)** Masalah longkang mendap dan tersumbat.



3: Sesi Dialog bersama PDK Seri Panglima (OKU)

Sesi FGD 3 ini melibatkan PDK Seri Panglima (OKU). Seramai 12 peserta telah hadir ke sesi dialog yang telah diadakan di PDK Seri Panglima, Simpang 5. Sesi ini telah dihadiri oleh YBhg Dr. Halim (Pengerusi PDK Sabak Bernam) dan YBhg Encik Sharif Bangi (Pengerusi Pusat Pemulihan Dalam Komuniti PDK) Seri Panglima, Sg Besar. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Isu nisbah antara murid dan petugas PDK. 1:5 nisbah itu tidak relevan sebab setiap murid Di PDK perlu perhatian dan pengajaran yang berbeza, **(2)** Polisi 1 PDK 1 produk merupakan satu cabaran bagi petugas2 PDK. Ini disebabkan bukan semua PDK yang mempunyai kumpulan murid yang dapat membuat produk (sesentengah murid austistik yang perlukan lebih perhatian), **(3)** Masalah peruntukan dari segi elaun Aktiviti ditarik, **(4)** Elaun petugas dan penyelia di PDK sangat rendah **(5)** Ramai pihak tidak berminat untuk memohon kerja sebagai petugas disebabkan oleh elaun yang sangat rendah.



4: Sesi Dialog bersama Petani Sawah Padi

Sesi FGD 4 ini melibatkan Petani Sawah Padi di Kampung Simpang Lima. Seramai 10 peserta telah hadir ke sesi dialog yang telah diadakan di Kampung Simpang Lima. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Golongan belia tidak minat dengan pekerjaan sebagai petani, kebanyakan berhijrah ke bandar, **(2)** Kos barang kian meningkat seperti harga racun dan harga baja yang tiada kawalan berbanding padi yang mempunyai harga kawalan, **(3)** Sistem palung yang digunakan untuk pengairan tidak ditambahbaik atau diselenggara dengan betul.



5: Sesi Dialog bersama Nelayan

Sesi FGD 5 ini melibatkan Nelayan. Seramai 11 peserta telah hadir ke sesi dialog yang telah diadakan di Persatuan Nelayan Sekinchan. Sesi ini telah dihadiri oleh Encik Hafiz (Pegawai Jabatan Perikanan Selangor) dan Puan Jannah (Pegawai Jabatan Perikanan Daerah Sabak Bernam). Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Isu pekerja warga asing yang tidak dapat menyambung permit bekerja, **(2)** Isu sempadan perairan Malaysia dan negara jiran menyebabkan kerap berlakunya tangkapan Polis Maritim Indonesia terhadap nelayan Sekinchan **(3)** Isu penukaran milik bot nelayan Zon B yang terpaksa pindah ke Zon C secara automatik. Ini kerana Jabatan Perikanan telah tetapkan supaya tiada lagi penggunaan pukat tunda di Zon B untuk menghabilitasi habitat ikan.



6: Sesi Dialog bersama Belia

Sesi FGD 6 melibatkan seramai 9 orang golongan belia Sungai Besar. Kumpulan perbincangan fokus ini telah diadakan di PEDi Kampung Sungai Haji Dorani. Antara isu yang dibincangkan adalah: **(1)** Kekurangan peluang pekerjaan untuk golongan belia di Sungai Besar, **(2)** Kekurangan dana untuk Persatuan-persatuan belia untuk lakukan program, **(3)** Kewujudan birokrasi dalam permohonan bantuan dana yang dianggap merumitkan proses permohonan.



7: Sesi Dialog bersama Golongan B40

Sesi FGD 7 bersama golongan B40. Kumpulan perbincangan berfokus ini diadakan di Dewan Kampung Hala Cara Baru, Sungai Besar. Turut hadir adalah Puan Wan Zubaidah, Encik Khairul, dan Puan Nurasyikin, masing-masing pegawai dari Jabatan Kebajikan Malaysia Daerah Sabak Bernam, dan Encik Amiruddin dari Lembaga Zakat Selangor. Antara isu yang dibincangkan adalah: **(1)** Isu kos sara hidup yang makin meningkat, **(2)** Penjualan barangan runcit yang dikawal peruncit menyukarkan pembeli, **(3)** Isu anjing liar yang berkeliaran di kawasan Kampung Hala Cara Baru 4) Penduduk berpendapat bahawa Jualan Rahmah tidak efektif kerana sentiasa kekurangan stok barangan dan harga yang tidak berpatutan.



8: Sesi Dialog bersama Industri Kecil Sederhana

Sesi FGD 8 ini melibatkan Industri Kecil Sederhana. Seramai 3 peserta telah hadir ke sesi dialog yang telah diadakan di Wisma Masri. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Tiada Pelapis ingin meneruskan Industri Kecil Sederhana, **(2)** Sukar untuk mendapatkan kelulusan pinjaman, **(3)** Harga barang tidak terkawal dan meningkat naik, **(4)** Pembuangan sampah di sebelah premis menyebabkan pencemaran bau.



9: Lawatan Tapak 1 - Tempat pemprosesan bahu, kerepek dan Kek

Lawatan ke kilang pemprosesan MHP Enterprise juga telah diadakan selepas selesai kumpulan perbincangan fokus bersama IKS. Antara produk-produk yang dihasilkan di kilang ini adalah bahu, kuah kacang, aneka kerepek, dan pelbagai lagi kuih tempatan. Kilang IKS ini juga mempunyai seramai 40 orang pekerja yang terdiri dari orang Sungai Besar dan kebanyakan dari kalangan mereka adalah golongan wanita.



10: Sesi Dialog bersama Persatuan Homestay

Sesi FGD 9 ini melibatkan Persatuan Homestay. Seramai 7 peserta telah hadir ke sesi dialog yang telah diadakan di Persatuan Homestay Kg Sg Hj Dorani. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Susah untuk mendapatkan minat orang muda untuk menceburi bidang homestay, **(2)** Sukar untuk mendapatkan bantuan pembaikan homestay yang mempunyai syarat-syarat yang ketat, **(3)** Ancaman haiwan liar seperti babi hutan yang merosakkan tanaman disekitar homestay **(4)** Kos penukaran status tanah kepada tanah industri sangat tinggi **(5)** Kos utiliti seperti elektrik dan air yang tinggi kerana dikenakan sebagai caj industri.



11: Sesi Dialog bersama Komuniti India

Sesi FGD 10 ini melibatkan Komuniti India. Seramai 12 peserta telah hadir ke sesi dialog yang telah diadakan di Persatuan Komuniti India. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Sukar mendapatkan bantuan daripada MITRA, **(2)** Peluang pekerjaan yang tipis, **(3)** Banyak ibu tunggal dalam komuniti india sukar menjana pendapatan, **(4)** Masalah gangster dan tokan dadah yang berleluasa sehingga mendapat ugutan jika melaporkan kepada pihak berkuasa.




12: Lawatan Tapak 2 - Tapak pengusaha lembu di Sungai Besar

Lawatan ke tapak pengusaha lembu di Sungai Nibong adalah untuk meninjau usahawan tempatan terutamanya dari golongan belia. Encik Wan telah mengusahakan ternak lembu ini sejak 2020. Projek ternakan ini diusahakan dengan inisiatif sendiri tanpa bantuan dari mana-mana agensi tempatan. Kejayaan Encik Wan dapat dilihat apabila beliau telah mengembangkan projek dengan penambahan ternakan kambing biri-biri.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU
P.093 SUNGAI BESAR (SELANGOR)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Sungai Besar ini diadakan dengan usahasama daripada YB Datuk Muslimin Bin Yahaya dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PBBM; juga disingkatkan sebagai BERSATU)</i></p>		 <p>YB Datuk Muslimin Bin Yahaya</p>																								
Parlimen	P093																									
Kawasan	Sungai Besar																									
Negeri	Selangor																									
Jumlah penduduk	58,955 orang (<i>setakat bancian tahun 2020</i>)																									
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>41,386</td> <td>70.2</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>15,505</td> <td>26.3</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>1,887</td> <td>3.2</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>177</td> <td>0.3</td> </tr> <tr> <td colspan="2">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>58,955</td> <td>100.0</td> </tr> </tbody> </table>		BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	41,386	70.2	2.	Cina	15,505	26.3	3.	India	1,887	3.2	4.	Lain_lain	177	0.3	JUMLAH KESELURUHAN		58,955	100.0
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																							
1.	Bumiputera	41,386	70.2																							
2.	Cina	15,505	26.3																							
3.	India	1,887	3.2																							
4.	Lain_lain	177	0.3																							
JUMLAH KESELURUHAN		58,955	100.0																							
	<p>Sumber: <i>Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Sungai Besar Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022.</i></p>																									
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> Perkhidmatan - Perdagangan borong, runcit, pembekalan utiliti, pengangkutan, penginapan, aktiviti kewangan, pendidikan dan lain-lain Pertanian- Tanaman, Ternakan, Perikanan, dan Perhutanan/Pembalakan 																									
Pasukan Penyelidik	<ol style="list-style-type: none"> Mohamed Daniel Mokhtar: Ketua Penyelidik Lapangan Lydia Ann: Penyelidik Farah Ezzaty: Penyelidik Afham Afif: Penyelidik Dr. Siti Nur Ain Binti Zakinuddin: Penulis Laporan Awal dan Penulis bersama laporan penuh 																									

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 10 *Focus Group Discussion* (FGD) dan 2 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Sungai Besar dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam.

TARIKH	SESI DIALOG
26 April 2024	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog 1 bersama PIBG SMK Sungai Besar• Sesi Dialog 2 bersama Warga Emas• Sesi Dialog 3 bersama Komuniti OKU• Lawatan ke Kawasan Hakisan Pantai Batu 23
27 April 2024	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog 4 bersama Petani Sawah Padi• Sesi Dialog 5 bersama Nelayan• Sesi Dialog 6 bersama Belia• Sesi Dialog 7 bersama Komuniti B40
28 April 2024	<ul style="list-style-type: none">• Sesi Dialog 8 bersama Pengusaha IKS• Sesi Dialog 9 bersama Persatuan Homestay• Sesi Dialog 10 bersama Komuniti India• Lawatan ke Belia Pengusaha Ternakan Lembu
30 Mei 2024	Sesi Dialog Bersama Agensi Kerajaan

PENEMUAN KAJIAN

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
1.	Terdapat jurang dalam tahap pembelajaran antara pelajar sama Tingkat atau darjah	Pelajar sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Kekangan dalam bergaul pelajar yang mendapat gred dan markah yang baik dalam kelas dengan pelajar yang mendapat keputusan yang kurang memuaskan. • Kekangan ini menyebabkan sukar guru untuk mengajar kerana setiap pelajar dalam satu kelas mempunyai tahap kefahaman mata pelajaran yang berbeza. 	<p>Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiada perbezaan aras pelajaran sejak tiga tahun lepas, tiada saringan untuk kedudukan kelas hujung atau kelas ke depan, guru-guru dilatih untuk mengajar secara berpusat, sendiri dan flip classroom, hasilnya bagi SPM 2023, Gred Purata Sekolah (GPS) semakin baik berbanding SPM 2022 • Murid layak mendapat sijil iaitu lulus Sejarah dan Bahasa Melayu menurun dari 90 kepada 89
2.	Pelajar kurang motivasi dalam pendidikan		<ul style="list-style-type: none"> • Hal ini lebih ketara selepas COVID-19 di mana kebanyakan pelajar sedar bahawa mereka mampu bekerja dan menampung gaya hidup (membeli handphone berharga RM2K) dalam gig ekonomi. • Pelajar tidak berminat terutamanya dalam Sejarah atau Bahasa Malaysia kerana beranggapan bahawa mata pelajaran tersebut tidak penting. 	<ul style="list-style-type: none"> • Diakui memang pelajar kurang berminat belajar sejak lepas Covid19 • PPD sediakan KPI dari darjah 6 kepada tingkatan satu, berapa orang yang tercicir, PPD akan siasat kenapa tidak sekolah • KPI tersebut dinamakan Program Murid Cicir dibuat satu Malaysia, dari darjah 6 ke atas

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Mereka mempunyai objektif masing masing seperti bekerja (di sawah, nelayan) tanpa fikir panjang.	<ul style="list-style-type: none"> • Di Sabak Bernam, hanya seramai 11 orang yang dikenalpasti mereka yang betul-betul tidak sekolah • Pelajar tahfiz persendirian masih dikira pelajar bersekolah manakala, bagi homeschool, dikira pelajar cicir kerana tiada dalam pengetahuan PPD • tafsiran murid cicir ialah dia tidak bersekolah dnegan pengetahuan ibu bapa, jika tidak sekolah tanpa pengetahuan ibu bapa dikenali sebagai ponteng • Sistem kehadiran menunjukkan 88% hingga 92% dan tidak pernah dibawah paras 85% • Ziarah cakna adalah program kepada murid yang tidak hadir ke sekolah yang diketuai oleh guru kaunseling dan disertai penghulu kampung atau PPD • Dalam Akta Pendidikan Kanak-kanak 1991, mana-mana murid yang tidak bersekolah,
3.	Kehadiran yang tidak memuaskan dalam program sekolah atau kelas tambahan		<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar lebih berminat untuk bekerja dari pergi ke sekolah. • Namun ada segelintir pelajar pergi ke sekolah dengan motosikal tanpa lesen. Dalam hal ini, pihak sekolah terpaksa tutup mata sebelah dan hanya mampu menegur pelajar untuk memakai topi keledar untuk memastikan mereka peka dalam hal keselamatan. • Pihak sekolah juga ada budi bicara dengan pihak polis mengenai pelajar yang bermotosikal tanpa lesen. • Pihak sekolah mengadakan program keselamatan jalan raya dengan polis untuk para pelajar. 	

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Penggunaan vape di kalangan pelajar sekolah		<ul style="list-style-type: none"> • Trend menghisap vape di kalangan pelajar SMK semakin meningkat. • Terdapat kes pelajar muntah darah dipercayai akibat menghisap vape. • Cikgu berpendapat bahawa perlu lebih penguatkuasaan atau tindakan tegas terhadap pihak yang menjual vape kepada pelajar-pelajar sekolah. 	<p>penjaga itu boleh dikenakan tindakan kompaun sebanyak RM5,000 atau penjara tiga bulan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan vape dikalangan pelajar diakui memang ada dalam jenis-jenis kesalahan yang dilaporkan kepada PPD, 32 kes didapati daripada 700 kes kesalahan pelajar dari Januari 2024 sehingga Oktober 2024
5.	Kesukaran akses pelajar ke sekolah		<ul style="list-style-type: none"> • Kesukaran akses ke sekolah terutamanya bagi pelajar yang tinggal di kampung yang jauh. • Terdapat juga pelajar yang tiada kenderaan untuk ke sekolah. • Ramai pelajar yang tiada lesen motor dan tiada topi keledar tetapi membawa motor ke sekolah. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bilangan kesalahan tertinggi ialah ponteng sekolah 405 kes • PPD maklum tentang vape tetapi masih memberi fokus utama pada kes ponteng sekolah • SK Binjai Jaya telah dijadikan Sekolah Komprehensif 9 (K9) yang mempunyai tingkat persekolahan dari Darjah Satu hingga Tingkatan Tiga
6.	Kekurangan kelengkapan digital/IT di dalam kelas pembelajaran		<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan kelengkapan IT seperti projektor dan smartboard. • Kemudahan ini dapat meringankan beban cikgu-cikgu untuk mengajar. 	<ul style="list-style-type: none"> • Memang isu sekolah menengah yang jauh, ada kes kemalangan sehingga pelajar putus kaki ketika perjalanan ke sekolah

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Namun begitu, projektor yang tersedia sebelum ini banyak hilang atau dicuri.	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat asrama desa di SK Binjai Jaya dan SMK Munshi Abdullah, untuk golongan berpendapatan rendah dengan kos percuma • PPD menyatakan perbelanjaan kewangan banyak di pendidikan tetapi banyak cabang • Penggunaan smartboard bukan dari Kerajaan tetapi sumbangan PIBG • Bantuan projektor disediakan dengan program seperti STEM, jika tiada STEM tiada bantuan tersebut diberi, projektor untuk makmal
7.	Geran kewangan untuk PAWE mengambil masa untuk diproses	Warga Emas	<ul style="list-style-type: none"> • Geran bantuan kewangan setiap tahun masih tidak dapat lagi pada 2024, peserta memaklumkan geran tersebut berjumlah RM 50 ribu. • Geran tersebut untuk urusan pentadbiran dan fasiliti PAWE 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Geran perlu melalui beberapa peringkat iaitu dari MOF, KPM dan juga JKM. • Pihak atasan yang lebih memainkan peranan dalam menguruskan perjalanan dana geran PAWE, pihak JKM daerah hanya menerima dan menyalurkan sahaja. • Bayaran yang masuk ke PAWE dikendalikan oleh Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia • Bayaran elaun hanya dibayar untuk seorang penyelia dan dua orang pembantu penyelia

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
8.	Kekurangan kakitangan di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)	Warga Emas	<ul style="list-style-type: none"> • PAWE di Sabak Bernam kekurangan kakitangan seperti anggota keselamatan dan tukang bersih. • Menurut AJK PAWE, anggota keselamatan diperlukan untuk menjaga aset yang sedia ada di PAWE 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat perbincangan permohonan pertambahan kakitangan iaitu untuk keselamatan dan tukang pembersihan • Permohonan yang dibuat akan melalui proses makluman kepada jabatan dan diangkat kepada Kementerian
9.	Akses warga emas ke bangunan PAWE	Warga Emas	<ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan warga emas yang jauh dari PAWE tidak akan datang untuk program dan aktiviti walaupun mereka merupakan ahli berdaftar. • Buat masa ini hanya warga emas yang tinggal berdekatan dengan PAWE yang kerap datang untuk aktiviti atau program mingguan 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dana diperoleh tidak terhad kepada Kementerian tetapi juga dari sumbangan • PAWE merupakan pertubuhan yang dikendalikan MPKSM jadi tidak terikat dengan mana-mana pihak untuk mendapatkan sumbangan • Dana yang disalurkan Kementerian hanya terhad untuk bayaran pekerja dan juga utiliti PAWE

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
10	Tiada kursus asas untuk petugas PDK	Petugas PDK	<ul style="list-style-type: none"> • Kursus Asas Petugas PDK tidak disediakan lagi. Penglibatan petugas di dalam kursus asas adalah sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sehingga ke hari ini, tiada kursus disediakan oleh pihak kerajaan walhal kursus ini merupakan kursus utama bagi petugas-petugas PDK. Petugas PDK yang baru juga tiada mengambil kursus ini. • Petugas mempersoalkan isu ini kerana adakah ia terjadi disebabkan oleh peruntukan yang kurang dari kerajaan. 	Jabatan Kebajikan Masyarakat <ul style="list-style-type: none"> • Kursus diadakan bergantung kepada peruntukan yang diberi • Tiada lagi kursus diadakan pada tahun ini kerana belum ada peruntukan
11	Kekurangan dana dan peruntukkan untuk NGO berkaitan Belia	Belia	<ul style="list-style-type: none"> • Kelab atau persatuan belia perlu buat kertas kerja untuk mendapatkan dana peruntukkan • Wakil belia berpendapat bahawa sukar untuk mendapatkan bantuan atau dana disebabkan oleh birokrasi dan tidak mendapat respon 	Tiada maklumbalas agensi

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
12	Aktiviti lumba haram	Remaja dan Belia	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti lumba haram dan rempit banyak berlaku di sekitar Jalan Ban Canal dan Lebuhraya Kuala Selangor - Teluk Intan. 	Tiada maklumbalas agensi
13	Pengangguran tinggi di kalangan lepasan sekolah	Belia	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah pengangguran yang tinggi di kalangan pelajar lepasan sekolah komuniti India. • Menurut wakil komuniti, ini menyebabkan ramai kalangan belia India terjebak dengan masalah sosial seperti penyalahgunaan dadah dan gangsterism. 	Tiada maklumbalas agensi
14	Keperluan kewangan pelajar pendidikan khas	Pelajar OKU Pendidikan Khas	<ul style="list-style-type: none"> • Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MPBK) ada menerima Elaun Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (EMBPK) sebanyak RM150 sebulan dan setahun berjumlah RM1,800. Jumlah ini tidak mencukupi untuk menampung hidup mereka kerana ada keluarga pelajar yang meminta duit itu diberikan kepada keluarga. 	Tiada maklumbalas agensi

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat pelajar MPBK yang disuruh bekerja bagi menampung hidup mereka • Guru berpendapat agar ada pihak luar dapat memberikan peluang pekerjaan kepada mereka dan harapan guru agar mereka dapat mengurus diri sendiri kelak 	
15	Kemudahan awam seperti tandas awam	Pengusaha homestay	<ul style="list-style-type: none"> • Pelancong semakin banyak mengunjung Sungai Besar. Kadangkala sehingga beberapa bas akan sampai di kawasan pelancongan, terutamanya di kedai-kedai IKS seperti Wisma Masri. • Kemudahan awam seperti tandas sangat diperlukan untuk menampung pelancong-pelancong yang singgah. • *Cadangan dari wakil IKS adalah untuk memberi pembiayaan kepada kedai-kedai atau restoran untuk membaikpulih dan menjaga kualiti tandas 	Tiada maklumbalas agensi

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
16	Kekangan bahasa antara pengusaha homestay dan pelancong dari luar negara	Pengusaha homestay	<ul style="list-style-type: none"> • Pengusaha homestay mempunyai kesukaran untuk berkomunikasi dengan pelancong antarabangsa yang banyak melawat dan menginap di homestay-homestay Sungai Besar • Ada diantara mereka yang berminat untuk belajar bahasa-bahasa seperti Bahasa Jepun dan Bahasa Inggeris. • Cadangan dari pihak mereka adalah untuk mengadakan satu bengkel mengenai hospitality dan kursus asas bahasa Inggeris untuk meningkatkan kualiti servis homestay mereka. 	Tiada maklumbalas agensi
17	Kekurangan tenaga muda dalam industri pelancongan homestay	Pengusaha homestay	<ul style="list-style-type: none"> • Pengusaha homestay juga memaklumkan bahawa tidak ramai di kalangan belia yang minat untuk menceburi bidang pelancongan di Sungai Besar. • Ini menyebabkan potensi ekopelancongan di Sungai Besar tidak digunapakai sepenuhnya kerana tenaga muda diperlukan terutama dari segi kesenian dan operasi pelancongan. 	Tiada maklumbalas agensi

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
18	Tiada data atau info yang menyeluruh tentang golongan OKU di daerah	OKU	<ul style="list-style-type: none"> • Petugas memberitahu mereka tidak yakin bahawa 100% golongan OKU berdaftar di PDK. • Anggaran peratusan juga sukar untuk didapati kerana tiada data yang menyeluruh tentang golongan OKU di setiap daerah. 	Jabatan Kebajikan Masyarakat Pendaftaran OKU lebih kepada sukarela, tiada paksaan untuk daftar, punca kepada tiada data menyeluruh
19	Penyalahgunaan dadah di kalangan belia	Belia	<ul style="list-style-type: none"> • Berlaku dalam kalangan belia tetapi kurang pemutihan yang dilakukan. • Ada sesetengah penagih dadah akan masuk ke pusat pemuliharaan tetapi setelah keluar dari pusat tersebut, mereka akan terjerumus lagi ke tabiat penyalahgunaan dadah lagi. • Hal ini kerana pengaruh rakan sebaya dan tiada peluang pekerjaan. 	Tiada maklumbalas agensi

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
20	Elaun petugas dan penyelia yang sangat rendah	Petugas PDK	<ul style="list-style-type: none"> Elaun petugas dan penyelia sangat rendah. Buat masa ini, elaun bagi petugas adalah RM1200 dan elaun bagi penyelia adalah RM1500. Hal ini mengakibatkan beban yang tinggi bagi kakitangan PDK kerana mereka juga perlu menggunakan duit sendiri untuk urusan OKU di PDK seperti bergerak menggunakan kenderaan sendiri ke rumah pelatih yang tidak dapat ke PDK. 	<p>Jabatan Kebajikan Masyarakat</p> <ul style="list-style-type: none"> Elaun petugas mula penyelia naik daripada 1,200 ke 1,500 elaun petugas daripada 800 ke 1,200 Perlu ada perbincangan baru untuk kenaikan, pihak JKM di bawah ni hanya menerima sahaja, yang melaksanakan adalah peringkat atasan Memang tiada peruntukan, tetapi peruntukan mungkin ada bila dibincangkan dalam konvensyen OKU kebangsaan
21	Tiada peruntukkan untuk makan-minum murid/pelatih OKU	Pelatih OKU	<ul style="list-style-type: none"> Makan dan minum tengah hari bagi pelatih OKU tidak ditaja oleh mana-mana agensi. Buat masa ini PDK membuat inisiatif sendiri untuk mengumpul duit tabung derma dari ibubapa/penjaga untuk tujuan pembelian barangan runcit untuk makan minum pelatih sebanyak RM50 sebulan 	Tiada maklumbalas agensi

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
22	Isu permit pekerja nelayan warga asing	Nelayan	<ul style="list-style-type: none"> • Pekerja warga asing yang sebelum ini mendapat permit untuk bekerja sebagai nelayan kini tidak disambung selepas berlakunya pemutihan. • Namun, tauke-tauke bot nelayan di Sekinchan memerlukan pekerja warga asing kerana mereka sahaja yang sanggup untuk bekerja keras. Pekerja tempatan menurut tauke nelayan beranggar dalam 10% sahaja. 	Tiada maklumbalas agensi
23	Isu pindah milik bot di mana pemilik baru terpaksa bertukar ke zon C	Nelayan	<ul style="list-style-type: none"> • Dasar baharu Jabatan Perikanan adalah untuk menghapuskan pukot tunda di zon B (2 batu nautika) menjelang 2030. Hal ini menyebabkan nelayan yang memiliki bot dari pindah milik yang asalnya mendapat hasil di Zon B terpaksa beralih ke Zon C (15 batu nautika) • Ini membebankan keluarga-keluarga nelayan kerana mereka perlu mencari modal untuk membeli kelengkapan dan bot-bot yang lebih besar yang lebih sesuai beroperasi di perairan Zon C. 	Jabatan Perikanan Negeri Selangor <ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan bilangan bot tunda tunda B untuk melindungi ekosistem marin. • Apabila berlaku pertukaran hak milik bot tunda B, sama ada melalui pewarisan atau penjualan, bot tersebut hendaklah dipindahkan ke Zon C yang jauh dari pantai. • Kerajaan tidak lagi akan mengeluarkan lesen baharu untuk bot tunda B lesen sedia ada hanya boleh diwarisi. • Jika pemilik baharu ingin terus beroperasi di Zon B, mereka mesti menukar peralatan memancing kepada pukot.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<ul style="list-style-type: none"> • Dasar ini telah mula dilaksanakan terutamanya di kawasan seperti Sabak Bernam. • Terdapat kes di mana pemilik baharu, terutamanya anak pemilik terdahulu, terpaksa menerima bot tunda B yang diwarisi walaupun tidak mempunyai keupayaan untuk mengendalikannya di Zon C.
24	Isu sempadan perairan Malaysia dan Indonesia yang dianggap bertindih	Nelayan	<ul style="list-style-type: none"> • Bot pukut tunda dari Bagan Sekinchan sering ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia. • Ini akibat daripada pencerobohan bot dari negeri lain yang menangkap ikan di persempadanan negeri Selangor dan Indonesia. • Menurut nelayan, pihak berkuasa Indonesia akan menangkap mana-mana bot yang mereka suspek menceroboh • Menurut nelayan, ini disebabkan oleh perairan yang dituntut oleh kedua-dua negara yang masih belum diselesaikan secara muktamad. 	<p>Jabatan Perikanan Negeri Selangor</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berlaku konflik perikanan antara nelayan Selangor dan nelayan Indonesia di kawasan sempadan. • Nelayan Selangor pernah ditangkap pihak berkuasa Indonesia walaupun berada di perairan Malaysia-Indonesia atas dakwaan menceroboh. • Isu ini melibatkan negeri-negeri lain seperti Perak yang mana nelayan dari Perak turut beroperasi di perairan tersebut, justeru pihak berkuasa Indonesia tidak dapat menangkap nelayan Perak tetapi beralih ke nelayan Selangor.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
25	Sistem pengairan palung yang tidak diselenggara atau ditambahbaik	Petani padi sawah	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem palung yang digunakan untuk menyalur air ke lot-lot sawah padi semakin tidak efisien • Palung yang dibina untuk sistem pengairan sawah padi pada tahun 80an tidak diselenggara atau ditambahbaik dan kini akibat pergerakan tanah, air yang disalur semakin perlahan dan ada lot yang tidak dapat air sepenuhnya. • Hal ini menyebabkan kerugian kos bagi petani kerana perlu mengupah pam air untuk menyalurkan air ke lot sawah mereka yang tidak sampai air. 	<p>Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS)</p> <ul style="list-style-type: none"> • JPS akui tidak mampu mempercepatkan sistem palung • Sistem palung semasa adalah sangat lama, dibina pada tahun 80-an untuk kaedah penanaman yang berbeza dengan kaedah semasa, jadi ia kurang cekap. • Sistem palung sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan petani moden kerana kapasiti mereka terhad dan reka bentuk mereka sudah lapuk. • Memperbesar sistem palung membawa risiko mengurangkan bekalan air utama. Selain itu, kos operasi mengepam air ke sawah juga membebankan petani. • JPS telah memulakan usaha untuk menambah baik sistem palung, seperti menggantikan palung di beberapa kawasan dan meningkatkan kapasiti rumah pam. Walau bagaimanapun, proses ini mengambil

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<p>masa yang lama dan tidak dapat memenuhi semua keperluan petani dengan segera.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sistem pengairan di Selangor masih lebih baik berbanding beberapa kawasan lain yang banyak bergantung kepada rumah pam.
26	Tiada bantuan bencana untuk pesawah	Petani padi sawah	<ul style="list-style-type: none"> • Petani sawah padi berpendapat bahawa perlu ada bantuan bencana untuk pesawah. • Apabila berlaku bencana seperti paras air laut yang meningkat menyebabkan banjir, pesawah mengalami kerugian yang banyak dari segi kewangan. • Bantuan bencana dapat meringankan beban kepada pesawah-pesawah yang mengalami kerugian akibat bencana. 	<p>Jabatan Pertanian Daerah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Program bantuan bencana pertanian memang ada dari segi pemberiang barangan, namun petani seringkali tidak memanfaatkannya. • Syarat utama untuk mendapatkan bantuan ialah membuat laporan polis dan mengisi borang di pejabat pertanian. Ramai petani keberatan untuk mengambil langkah ini, sekali gus terlepas peluang mendapatkan pampasan bagi kerugian yang dialami akibat bencana seperti banjir. • Selain banjir, masalah perosak seperti siput gondang juga menyebabkan kerugian kepada pokok padi, namun petani tidak melaporkannya menyebabkan sukar untuk pihak pertanian membantu mereka.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<ul style="list-style-type: none"> Jadi halangan utama adalah kurangnya kesedaran dan kesanggupan petani untuk mengikut prosedur yang ditetapkan.
27	Tiada kawalan untuk kos input penanaman padi	Petani padi sawah	<ul style="list-style-type: none"> Kalaupun harga subsidi padi meningkat naik, kos-kos lain juga turut naik seperti baja, racun, bajak, upah, barang alat ganti. ianya perlu ada akta kawalan barang terutamanya racun Pesawah berpendapat bahawa subsidi tidak efektif kerana walaupun subsidi meningkat, tiada kawalan bagi harga barangan lain yang diperlukan untuk penanaman padi. 	<p>Jabatan Pertanian Daerah</p> <ul style="list-style-type: none"> Harga racun perosak ditentukan oleh penjual bergantung kepada penjual Keperluan diadakan kajian mengenai kenaikan harga racun ini Kos membuat padi meningkat tapi dari segi hasil, belum naik Memang membebankan petani sampai ada yang beralih dari pertanian kepada perusahaan homestay di tanah bendang
28	Persaingan dengan warga asing dari segi peluang pekerjaan	Belia Penganggur	<ul style="list-style-type: none"> Majikan lebih suka mengambil warga asing sebagai pekerja kerana kos mereka lebih murah dan tidak banyak komitmen. Manakala pekerja tempatan akan minta gaji yang lebih tinggi malah tidak mampu bekerja dengan jangka masa yang lama kerana ada komitmen masing masing. 	<p>Lembaga Zakat Selangor</p> <ul style="list-style-type: none"> Hampir 95% pekerja 3D di Sekinchan dan Sungai Besar ialah warga asing.. Antara sektor yang dikuasai warga asing ialah perladangan melibatkan kelapa sawit dan pertanian sawah yang dikuasai warga Bangladesh dan Indonesia.

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<ul style="list-style-type: none"> Sektor perindustrian iaitu kilang proses ikan busuk dan makanan segera dikuasai kebanyakan dari Myanmar dan Bangladesh
29	Jualan Rahmah tidak berkesan	Penduduk Kampung Hala Cara Baru	<ul style="list-style-type: none"> Jualan Rahmah yang diadakan di kawasan Kampung Hala Cara Baru dianggap tidak efektif. Penduduk merasakan bahawa inisiatif itu bersifat cukup syarat. Ini kerana barangan runcit yang ditawarkan berkualiti rendah dan tidak pelbagai. Sebagai contoh, ada ketika penduduk membeli beras rosak dan hancur di pasaran jualan rahmah. 	<p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia (KPDN)</p> <ul style="list-style-type: none"> KPDN tiada rekod mengenai program Jualan Rahmah di Kampung Hala Cara Baru hanya berlaku di Parit 11 Timur pada 25 April 2024, kemungkinan jualan tersebut ialah persendirian Barangan di jualan Rahmah adalah terhad yang dibekalkan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor seperti ayam, daging, telur, ikan, minyok masak 5kg, beras 5kg yang telah disubsidi Terdapat juga jualan yang dikenali Ehsan Rahmah yang dikendalikan milik persendirian, berkemungkinan komuniti tidak dapat membezakan kerana penggunaan nama hampir sama

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
30	Komuniti India di Sungai Besar sukar untuk mendapatkan dana dari MITRA	Komuniti India	<ul style="list-style-type: none"> Menurut penduduk, komuniti India di sini tidak pernah sekali mendapat bantuan kewangan dari MITRA. Ini menyukarkan mereka untuk mendapatkan modal untuk projek-projek yang mampu menjana pendapatan komuniti India di sini. 	Tiada maklumbalas agensi
31	Kos yang tinggi untuk menukar status tanah	Pengusaha homestay	<ul style="list-style-type: none"> Menurut pengusaha homestay, kos untuk menukar status tanah dari pertanian ke industri sangat tinggi. Anggaran kos yang diperlukan untuk menukar status tanah ini adalah dalam lingkungan RM70,000 - RM80,000 Disebabkan itu, banyak pengusaha yang membina homestay di atas tanah yang masih berstatus pertanian. 	<p>Majlis Daerah (Bahagian Pembangunan Tanah)</p> <ul style="list-style-type: none"> Kos yang mahal ialah ialah kos Kebenaran Merancang (KM) dari Majlis, untuk mendaftar, homestay, kos murah sahaja Penubuhan homestay perlu mengutamakan KM dahulu baru dapat ke peringkat penubuhan Kebanyakan menggunakan tanah sawah padi untuk penubuhan homestay yang mana tanah jenis pertanian adalah tidak dibenarkan untuk pembinaan apa-apa bangunan Kebanyakan membina dahulu tanpa makluman, apabila homestay siap, bila nak

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<p>mohon elektrik, kelulusan tidak diberikan kerana status tanah justeru, baru laporkan kepada yang mana mereka perlu maklumkan terlebih dahulu kepada Majlis mengenai penubuhan homestay tersebut</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan homestay tidak berdaftar dan berlesen sama ada dengan Majlis atau MOSTI • Kos memang lebih kurang (RM70,000 hingga RM80,000) untuk bayar servis dan juga konsultan • Terdapat permit khas iaitu skim Permit khas penggunaan tanah pertanian untuk kegunaan selain pertanian dengan beberapa kategori dan ada syaratnya seperti kegunaan selain pertanian tu mesti tidak melebihi 2/5 daripada Keluasan tanah itu • Terdapat permit yang terpaksa diluluskan kerana sudah didirikan homestay atas tanah iaitu mana-mana rumah yang dibina sebelum tahun 2020

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<ul style="list-style-type: none"> • Jika melebihi 2/5 tanah, pihak Pejabat Daerah dan Tanah akan mengambil tindakan seperti merampas tanah tersebut
32	Bil elektrik yang dikenakan homestay tinggi	Pengusaha homestay	<ul style="list-style-type: none"> • Pengusaha homestay berpendapat bahawa bil elektrik mereka tidak wajar kerana caj bil elektrik untuk homestay adalah caj industri. • Mereka berasa terbeban terutamanya apabila musim pelancong kurang dan berharap dapat diringankan dengan subsidi. 	<p>Majlis Daerah (Bahagian Pembangunan Tanah)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Isu caj bil industri ialah melibatkan TNB • Pertambahan homestay tanpa kebenaran meningkat dan melebihi kapasiti memberi kesan kepada kebenaran meter TNB
33	Isu tanah lot sawah padi yang keras atau kekurangan nutrient	Petani padi sawah	<ul style="list-style-type: none"> • Tanah sawah padi menurut petani, semakin kekurangan nutrien akibat dari penggunaan racun dan baja kimia. • Penggunaan kapur untuk rawatan tanah bagi mereka masih tidak mencukupi untuk baikpulih kondisi tanah di sawah padi. • Perlu ada <i>natural farming</i> kepada sistem kaedah menanam dengan menggunakan baja organik. 	<p>Jabatan Pertanian Daerah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pegawai pertanian giat mempromosikan penggunaan baja organik untuk mengurangkan pergantungan kepada baja kimia dan mewujudkan ekosistem pertanian yang seimbang. • Terdapat halangan dalam menyediakan bahan organik seperti kapur pertanian kerana kekangan bajet. Ini membantutkan

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<p>usaha untuk meningkatkan kualiti tanah secara optimum.</p> <ul style="list-style-type: none"> Walaupun program pertanian semulajadi (natural farming) terus dibangunkan, masih terdapat cabaran dalam mengubah tabiat petani yang lebih gemar membeli input pertanian seperti <i>bio-repellent</i> daripada membuatnya sendiri.
34.	Perparitan yang tidak diselenggara dan dipenuhi lalang/semak-samun	Petani sawah padi dan pengguna jalan berhampiran kawasan parit	<ul style="list-style-type: none"> Isu perparitan yang tidak diselenggara sehingga dipenuhi lalang dan semak samun. Sebagai contoh, di lebuh raya Kuala Selangor - Teluk Intan, pernah berlaku kemalangan motorsikal pada bulan Februari 2024. Mayat mangsa hanya ditemui selepas beberapa hari dilaporkan hilang. 	<p>Jabatan Kerja Raya</p> <ul style="list-style-type: none"> Jalan Kuala Selangor-Teluk Intan diklasifikasikan sebagai Jalan Persekutuan 5 (FP05), yang menunjukkan jalan penghubung utama Penyelenggaraan jalan sepatutnya dilakukan oleh kontraktor, tetapi disebabkan masalah projek dalaman, ia tidak diserahkan kepada JKR daerah. Kerja pembersihan ini perlu ada <i>Practical Completion CPC</i> dan <i>Certificate of Making Good Defects CMGD</i> tetapi pihak kontraktor belum dapat disebabkan masalah penelitian, jadi

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<p>JKR yang akan membersihkan jika mendapat aduan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dianggarkan pada awal Jun, syarikat konsesi yang dilantik akan memulakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan secara rasmi.
35	Sisa tanah di atas jalan sekitar kawasan sawah padi	Petani sawah padi dan pengguna jalan berhampiran kawasan parit	<ul style="list-style-type: none"> • Sisa tanah dari jentera yang digunakan untuk operasi penanaman padi banyak berlaku di jalan-jalan kampung. Ini boleh menyebabkan kemalangan terutama pada waktu malam. 	<p>Jabatan Kerja Raya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Isu sisa tanah di jalan telah dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah (JTD) berkaitan dengan infrastruktur • Isu sisa tanah banyak berlaku waktu musim membajak yang melibatkan jalan di bawah JKR • Tanah berkepal sisa dari jentera yang jatuh di atas jalan boleh membahayakan pengguna jalan • Terdapat ketua blok di kawasan sawah padi yang sepatutnya mengawal keadaan ini • JKR juga kecewa dengan sikap pembajak yang secara sembrono melalui jalan yang baru diturap dengan meninggalkan sisa tanah yang membahayakan pengguna motosikal terutamanya dengan risiko kemalangan

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<ul style="list-style-type: none"> • tiada tindakan denda atau saman yang dikenakan terhadap mereka yang melakukan perkara ini • Pernah ada kolaborasi dengan JPJ dan PDRM untuk tindakan tetapi sehingga kini belum ada tindakan baru • Pihak JKR sukar memantau keseluruhan jalan kerana panjang jalan di Sabak Bernam ialah 848km keseluruhan, melebihi kapasiti JKR
36	Kekurangan lampu jalan terutama di kawasan kampung	Pengguna jalan kampung	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan lampu jalan di sekitar kawasan kampung yang sempit. Ini menyukarkan dan merbahaya bagi pemandu yang menggunakan jalan-jalan kampung seperti di Kampung Parit 1. 	<p>Jabatan Kerja Raya</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peruntukkan diterima setiap tahun ialah RM300,000 untuk jalan negeri, • Penggunaan lampu solar dipasang di Mukim Sabak hadapan Institut Perakaunan Negara (IPN) ada 5 lampu solar, selekoh Sungai Lang belakang politeknik ada 3, tembok Mufrat Junction ada 3, selekoh Tembok Jaya Jalan Universiti ke Jalan Negeri ada 3, Simpang Pasir Jerami ada 3 nombor selekoh Tanjung Medan ada 3

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
				<ul style="list-style-type: none"> • Lampu solar digunakan untuk mengelakkan vandalism dan mengurangkan kos penggunaan elekttrik • Keutamaan pemasangan diberi pada selekoh dan simpang, jika terdapat lebihan peruntukan, kan digunakan untuk pemasangan pada jalan-jalan berisiko • Penduduk kampung boleh memohon pada DUN bagi mendapat lampu SUK <p>Pejabat Daerah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) akan minta senarai jalan kampung dari Pejabat Daerah untuk pemasangan lampu solar • Tahun 2024 sudah dua kali dibuat, senarai kawasan sudah ada tetapi tarikh pemasangan masih belum diketahui kerana masih menunggu peruntukan • Peruntukan berdasarkan kuota yang dihadkan untuk setiap kampung dan melalui kriteria-kriteria yang telah ditetapkan • Pejabat Daerah memang sentiasa sediakan senarai, yang akan melaksanakan ialah pihak KKDW

	ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
37	Hidupan liar dan haiwan ternakan berkeliaran	Penduduk setempat dan petani	<ul style="list-style-type: none"> • Banyak anjing liar berkelarian di sekitar Taman Padu Permai dan Stadium Sungai Besar membahayakan penduduk dan orang ramai. • Lembu peliharaan orang secara bebas juga membahayakan pengguna jalanraya. Terutamanya apabila waktu malam. Hal ini telah juga menyebabkan beberapa kemalangan jalan raya. • Ancaman monyet dan babi yang merosakkan tanaman berpunca dari Hutan Simpan Sungai Karang 	<p>Majlis Daerah</p> <ul style="list-style-type: none"> • 79 aduan diterima berkaitan anjing, lembu dan kucing • Sehingga bulan April tahun 2024, tangkapan 153 ekor kucing, anjing liar 128 ekor, lembu, kambing 25 ekor • Taskforce khas dari majlis bagi mengendalikan lembu liar tepi jalan akan menangkap lembu berkeliaran • Terdapat syarat jika tuan lembu ingin menuntut lembu yang ditangkap iaitu perlu membuat laporan polis dan akuan sumpah lembu milik mereka • Kebanyakan tuan lembu tidak menuntut lembu yang ditangkap, pihak majlis akan melelong lembu yang tidak dituntut • Lembu berkeliaran juga menyebabkan kemalangan, punca kepada pemilik takut untuk menuntut lembu tersebut • Majlis juga mencadangkan pemberian lesen dan tagging lembu kepada pemilik lembu untuk mengenalpasti lembu itu milik siapa

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: CABARAN EKONOMI DI KALANGAN BELIA

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Persaingan pekerjaan antara penduduk dan warga asing 2. Peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang kurang
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Perbanyakkan sektor pertanian dan penternakan di kalangan belia Sungai Besar 2. Penggunaan kemudahan perniagaan atas talian mahupun sosial media untuk tujuan pemasaran produk perusahawanan.
Kumpulan Terjejas	Belia
Kawasan	Kampung Hala Cara Baru, Sungai Haji Dorani
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk mikrokeuangan
SDG 8: Pertumbuhan Ekonomi dan Pekerjaan yang Baik	<p>Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama</p> <p>Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan</p>

PENGUTAMAAN ISU 2: MASALAH SIKAP PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Subjek seperti Bahasa Inggeris dan Sejarah tidak di ambil berat oleh pelajar-pelajar sekolah 2. Kehadiran pelajar sekolah menengah yang menurun
Cadangan	Mengadakan kelas tuisyen di kawasan kampung dan bengkel bersepadu menjawab soalan SPM khusus bagi pelajar yang berprestasi rendah
Kumpulan Terjejas	Pelajar sekolah menengah
Kawasan	Seluruh kawasan Parlimen Sungai Besar
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
SDG 4: Memastikan pendidikan berkualiti	<p>Sasaran 4.1: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki menamatkan pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti dan membawa kepada hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan.</p> <p>Sasaran 4.6: Menjelang 2030, memastikan semua belia dan sebahagian besar lelaki dan wanita dewasa mencapai literasi dan numerasi</p>
SDG 8: Pertumbuhan Ekonomi dan Pekerjaan yang Baik	Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara jumlah belia yang bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain

PENGUTAMAAN ISU 3: CABARAN PERUSAHAAN HOMESTAY

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekurangan kemahiran pelbagai Bahasa 2. Kekurangan pelapis muda
Cadangan	Meningkatkan kemahiran bahasa pengusaha homestay di samping pembangunan kapasiti atau program-program 'upskill' bagi memastikan pengalaman pelancong menjadi lebih lancar dan mesra.
Kumpulan Terjejas	Penduduk Parlimen Ketereh, Petani Tebu Telur, Pencinta warisan dan sejarah
Kawasan	Kampung Haji Sungai Dorani dan Batu 23 Sungai Nibong
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
SDG 4: Memastikan pendidikan berkualiti	Sasaran 4.6: Menjelang 2030, memastikan semua belia dan sebahagian besar lelaki dan wanita dewasa mencapai literasi dan numerasi
SDG 8: Pertumbuhan Ekonomi Dan Pekerjaan Yang Baik	Sasaran 8.9: Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan memperkenalkan budaya dan produk tempatan
SDG 11: Bandar dan Masyarakat yang Mampan	Sasaran 11.4: Memperkukuh usaha melindungi dan memelihara warisan asli dan kebudayaan dunia
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab	Sasaran 12.b: Membangunkan dan melaksanakan peralatan untuk memantau kesan pembangunan mampan kepada pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan memperkenalkan budaya dan produk tempatan



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>